

Batal lesen syarikat pembungkusan seludup barang subsidi

Sungai Golok: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas termasuk membatalkan lesen syarikat pembungkusan yang didapati menyeludup barang subsidi ke negara jiran.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata tindakan itu bagi memastikan kemudahan subsidi hanya dinikmati rakyat Malaysia.

Katanya, tinjauannya di pasar Sungai Golok, semalam, turut menemui tepung gandum dan minyak masak dijual di sini, sekaligus menyaksikan kebocoran barangan subsidi.

"Ini lawatan kedua saya ke Sungai Golok kerana kita sedia maklum kerajaan menghadapi kebocoran rentas sempadan dan industri.

"Malah, kegiatan penyeludupan membabitkan barangan subsidi bukan perkara baharu sebaliknya sejak sekian lama.

"Justeru, apa yang saya lihat hari ini (semalam) memberi input

penting kepada KPDNHEP sebelum memperincikan masalah yang berlaku, dalam usaha mencari jalan penyelesaian.

"Kita juga akan mengambil tindakan tegas, termasuk menarik lesen syarikat pembungkusan sekiranya didapati mereka turut menyumbang kepada kegiatan penyeludupan barang subsidi ke negara jiran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau pasar di Sungai Golok, di sini, semalam. Yang turut hadir, Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd Rahman.

Saifuddin berkata, keutamaan kementerian antara lain bagi memastikan setiap kemudahan subsidi yang diberikan kerajaan hanya dinikmati oleh rakyat Malaysia.

"Walaupun sukar untuk menangani isu ini berikutan sempadan yang luas dan kekangan kakitangan KPDNHEP, sekurang-kurangnya kita berusia untuk mengurangkan kegiatan ini," katanya.